

Headline	Orang ramai tertarik forum HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Dec 2011	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u13	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	63 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 252
Frequency	Daily	PR Value	RM 756



## Orang ramai tertarik forum HIV

**GUAR CHEMPEDAK** - Orang ramai yang menghadiri Hari HIV Sektunia Peringkat daerah Yan tertarik dengan aktiviti forum membariskan tiga ahli panel di Pejabat Kesihatan Guar Chempedak, di sini, semalam.

Pengunjung, Norishah Ibrahim, 48, berkata, seorang daripada tiga ahli panel forum yang merupakan bekas penagih dadah yang juga penghidap HIV sekali gus menarik perhatian orang ramai mendengar pengalaman hidupnya.

Menurutnya, mereka tersentuh dengan

pengalaman hidup yang diceritakan bekas penagih dadah berkenaan dan sedikit sebanyak boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat.

“Selain itu, pelbagai pameran berkaitan HIV turut diadakan di samping pemeriksaan kesihatan. Pelbagai hadiah juga diperolehi melalui kuiz yang diadakan.

“Aktiviti sebegini perlu diadakan lebih kerap untuk memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai bahaya HIV,” katanya kepada *Sinar Harian*.